

**LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BARANGAN SEMASA
OPS TAHUN BARU CINA 2016**

KATEGORI	JENIS KENDERAAN BERAT	LARANGAN MENGGUNA JALAN RAYA PADA 6, 7, 13 & 14 FEBRUARI 2016
Kategori 1	1.1 Lori <i>low loader</i> , lori balak, lori pembancuh simen (<i>concrete mixer truck</i>), lori jongket (<i>tipper</i>) dan lori yang membawa bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu, pasir dan tanah. 1.2 Lori pembawa kenderaan motor (<i>car carrier</i>) BDM melebihi 5,000 kg. 1.3 Lori membawa bahan galian seperti amang, bijih timah dan arang batu. 1.4 Jentera berat beroda, traktor dan truk tunda kecuali bagi maksud tugas menyelamatkan atau tugas kecemasan.	Sekatan penuh (TOTAL BAN).
Kategori 2	2.1 Lori kontena / kargo membawa barang-barang elektronik/ elektrik.	Dibenarkan beroperasi daripada jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
Kategori 3	3.1 Kren bergerak (<i>mobile cranes</i>).	Dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang – Jarak perjalanan tidak melebihi 25 km dari tapak pembinaan di sekitar kawasan Lembah Klang, Bandaraya Johor Bahru, Kuantan dan Ipoh sahaja (tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu).
Kategori 4	4.1 Lori gas dan kimia untuk bekalan perubatan dan industri kimia. 4.2 Lori kontena / kargo membawa barangan dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri atau sebaliknya. 4.3 Lori kargo membawa barang keperluan harian (makanan dan minuman dari kilang, buah-buahan, sayuran), bahan-bahan mentah (kelapa sawit, produk kelapa sawit, getah skrap dan susu getah), barang runcit, surat khabar, ternakan, kotak kosong atau lori kosong dalam perjalanan pulang. 4.4 Lori mengangkut sampah dan bahan kumbahan (<i>sewerage</i>) dan sisa pepejal industri. 4.5 Kenderaan barangan / lori <i>d'controlled</i> BDM 5,000 kg dan ke bawah. 4.6 Lori kontena / kargo yang berulang-alik di antara terminal di pelabuhan dalam negeri itu. 4.7 Lori kontena / kargo yang berulang-alik dari pelabuhan ke gudang dan di sekitar kawasan perindustrian yang berhampiran dengan pelabuhan. 4.8 Lori tanker pengangkut bahan bakar (petroleum / diesel, gas dan LPG). 4.9 Lori dan jentera berat yang terlibat dalam kerja-kerja kecemasan dan menyelamatkan (<i>rescue operation</i>). 4.10 Lori perkhidmatan pos / <i>courier service</i> .	Tidak dikenakan sekatan.